

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membangunkan lokasi Lusong Laku & Tasik Bakun sebagai pusat pelancongan. Adakah sebarang perancangan pembangunan infrastruktur akan dijalankan di 2 lokasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bersesuaian dengan kelebihan-kelebihan yang ada di negeri Sarawak, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memberi tumpuan dan fokus kepada produk pelancongan yang berasaskan ekopelancongan di negeri itu serta menonjolkan kepelbagaian budaya dan adat warisan di Negeri Sarawak.
2. Bagi tujuan tersebut, Kementerian telah mengenal pasti 9 kluster ekopelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan di Negeri Sarawak, yang mana salah satunya adalah Kluster Ekopelancongan Bintulu – Bakun – Belaga – Lusong Laku – Nanga Merit – Murum. Menerusi pembangunan kluster ekopelancongan ini, aktiviti ekopelancongan di kawasan sekitarnya akan turut dibangunkan secara holistik dan meliputi inisiatif *community based tourism* (CBT) dalam kluster tersebut.
3. Menyentuh mengenai Lusong Laku, saya rasa bertuah kerana dapat melihat dan merasai sendiri pengalaman di sana ketika membawa ahli pengurusan tertinggi serta pegawai-pegawai MOTAC dan agensi-agensi di bawah seliaannya ke kawasan ini pada bulan lalu. Ramai yang tidak mengetahui "*Hidden Gems*" yang terdapat di situ seperti Air Terjun Wong Pejik yang terletak di hulu Sungai Linau Lusong Laku yang berpotensi untuk dijadikan salah satu produk ekopelancongan yang menarik di negara kita. Selain itu, Lusong Laku juga merupakan syurga bagi pemancing ikan empurau yang terkenal di kawasan ini.
4. Hasil daripada lawatan kerja saya tersebut, kini Tourism Malaysia sedang meneliti potensi membangunkan pakej minat khas "*Nature - Adventure*" ke Lusong Laku. Memandangkan pada masa ini masih belum ada premis penginapan pelancongan yang sesuai berhampiran dengan kawasan air terjun tersebut, Tourism Malaysia sedang merangka kerjasama dengan persatuan pacuan empat roda (4x4) untuk mempromosikan pakej berkenaan kepada mereka. Ini kerana laluan

darat ke Lusong Laku hanya boleh di lalui dengan kenderaan pacuan empat roda sahaja.

5. Saya juga teruja dengan keindahan serta keunikan hasil kraftangan yang dihasilkan komuniti Penan di kawasan terbabit. Kehalusan hasil dan kualiti kraftangan berkenaan berpotensi diketengahkan ke peringkat nasional dan global kerana ia mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Sebagai usaha MOTAC membantu seramai 50 orang komuniti kraf di Kampung Lusong Laku yang aktif dalam pengeluaran produk kraf, Kementerian ini telah meluluskan peruntukan berjumlah RM100,000 untuk menaik taraf rumah kraf tangan di Lusong Laku.

6. Rumah kraf tangan ini adalah untuk kegunaan komuniti kraf di Lusong Laku sebagai pusat pengeluaran dan pengumpulan produk kraf yang boleh dibeli oleh pelancong yang melawat ke kampung tersebut serta juga dibantu pemasarannya oleh Kraftangan Malaysia, iaitu sebuah lagi agensi di bawah seliaan MOTAC.

7. MOTAC akan meneruskan kerjasama erat dengan agensi negeri, terutamanya Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak (MTAC) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan di Negeri ini termasuklah di kawasan Lusong Laku dan Tasik Bakun. Ini bagi memastikan produk pelancongan dapat dibangunkan dan dinaiktaraf dalam memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.